

METRO AHAD

B U D A K  U

AKTIF DI LUAR UNIVERSITI

■ **Danial Hakim suka cari pengalaman, ilmu baru sebagai nilai tambah bergelar pelajar**

Siti Fatimah Hassan
sfhassan@hmetro.com.my

Bangi

Mahasiswa berkualiti kini tidak hanya dilihat berdasarkan pencapaian cemerlang dalam akademik tetapi pembabit aktif di peringkat universiti dan luar juga diambil kira sebagai nilai tambah kepada diri mereka.

Bagi pelajar jurusan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Universiti Putra Malaysia (UPM), Danial Hakim Mohammad Suhaimi, 21, dia melihat kepentingan itu dalam aspek lebih luas dalam membentuk kemahiran insaniah seseorang pelajar untuk lebih berkeyakinan dan bersedia menghadapi dunia pekerjaan.

Kata Danial Hakim, sikapnya yang suka melakukan perkara baru dan sering mencari pengalaman baru juga amat membantu dalam mencapai matlamat diri untuk melonjakkan pencapaiannya sama ada dalam kokurikulum atau akademik.

"Saya sebenarnya suka melakukan perkara baru dan sentiasa pentingkan misi mencari pengalaman baru. Saya tidak kisah sama ada ia ilmu atau rakan baru," katanya.

Penuntut semester lima itu mula bergiat secara aktif dalam

pelbagai aktiviti kokurikulum sejak berada di Pusat Asasi Sains Pertanian UPM (PASP) apabila dia diambil sebagai duta universiti berkenaan.

Danial Hakim berkata, ia diwujudkan di bawah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm) UPM dengan mengambil sekumpulan penuntut sebagai sukarelawan yang membantu universiti melaksanakan aktiviti berkaitan.

"Mereka yang dipilih ini berperanan sebagai Duta UPM yang mana kami terbabit dalam program universiti seperti ceramah kepada pelajar sekolah, kempen 'Jom Masuk U' serta menjadi pengiring kepada tetamu kenamaan dalam program kami.

"Pada masa sama, ia memberi pendedahan terhadap kemahiran berkomunikasi dalam kalangan penuntut kerana kami juga dilatih sebagai pengacara majlis selain mempromosikan UPM menerusi pelbagai medium penerbitan dikeluarkan universiti," katanya.

Selain terbabit secara langsung dalam aktiviti universiti, anak bongsu daripada tiga beradik itu turut berjinak dalam bidang peragaan dan iklan komersial antaranya DiGi, Vodaphone, D'Herbs, Yes4G, Universiti Tun'Abdul Razak (UNITAR) dan Sunway Pyramid.

Danial Hakim berkata, minatnya terhadap dunia peragaan tercetus sejak di bangku sekolah lagi dan mula bergiat secara serius sejak awal tahun ini.

Menggunakan nama komersil Danial Tsu, katanya dia bernasib baik kerana biarpun latar belakang keluarganya begitu menekankan pendidikan, tetapi mereka tetap memberikan sokongan terhadap minatnya itu.



PROFIL

Nama: Danial Hakim Mohammad Suhaimi atau Danial Tsu
Umur: 21 tahun
Tarikh Lahir: 15 Mei 1995
Asal: Bangi, Selangor
Adik-beradik: Anak bongsu daripada tiga beradik
Jurusan: Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, UPM
Cita-Cita: Jurutera